

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(8)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 09 TAHUN 2016**

Tarikh : 26 September 2016 (Isnin)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.45 tengah hari
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 09/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PROGRAM 'BICARA PERDANA'

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan program '**Bicara Perdana**'. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 7 Oktober 2016 (Jumaat)
Masa : 7.00 malam sehingga 11.00 malam
**Tempat : Masjid Al-Falah, USJ 9, Subang
Jaya, Selangor**

Program 'Bicara Perdana' ini merupakan program anjuran MPSJ dengan kolaborasi bersama Masjid Al-Falah, USJ 9, Subang Jaya. Penceramah jemputan ialah Y.Bhg. Dato' Mohd Kazim Elias. Program ini turut diserikan dengan persembahan Qasidah daripada Sekolah Maadhad Tahfiz Klang.

2.2 PROGRAM SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2016**. Objektif program ini ialah untuk menyemarak dan memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dikalangan masyarakat. Disamping itu juga, menggalakkan budaya membaca dikalangan pelajar sekolah dan belia.

Aktiviti yang dicadangkan adalah seperti berikut;

- a) Pertandingan Berbalas Pantun Antara JKP yang terpilih;
- b) Pertandingan lagu irama Malaysia antara pelajar sekolah.
- c) Pertandingan Bersajak di antara pelajar sekolah
- d) Pertandingan Bersyair di antara pelajar sekolah
- e) Kuiz Bahasa

Maklumat program adalah seperti berikut:

Program Bersama Sekolah

Tarikh : 4 Oktober 2016 (Selasa)
Masa : 8.00 pagi – 2.00 petang
Lokasi : Sekolah Pusat Bandar Puchong 2

Pertandingan Berbalas Pantun Antara JKP Terpilih

Tarikh : 15 Oktober 2016 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 2.00 petang
Lokasi : Bilik Jebat, Kompleks 3C

2.3 PROGRAM 'TOWN HALL MEETING' SIRI 3/2016 BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR (DNS) SERI SERDANG

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program 'Town Hall Meeting'** bagi Dewan Negeri Selangor (DNS) Seri Serdang yang melibatkan **JKP Zon 12 hingga Zon 20**. Maklumat program adalah seperti berikut:

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 15 Oktober 2016 (Sabtu)
Masa : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari
Lokasi : Dewan Serbaguna MPSJ Seri Serdang

Program '*Town Hall Meeting*' merupakan medium komunikasi dua hala antara pihak Majlis dan masyarakat setempat untuk mengemukakan pandangan dan idea demi kepentingan bersama. Program ini dianjurkan adalah bertujuan:

- a) Medium penyaluran maklumat antara pihak Majlis dan komuniti;
- b) Mendapatkan maklumat berkenaan permasalahan dan aduan penduduk yang berkaitan untuk diselesaikan oleh pihak Majlis;
- c) Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti dan program kemasyarakatan anjuran MPSJ; dan

d) Menyalurkan maklumat dan penerangan berhubung aktiviti, program dan dasar MPSJ kepada masyarakat.

2.4 KARNIVAL SIHAT SELANGOR PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ) 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Sihat Selangor Peringkat MPSJ 2016**. Tema karnival pada tahun ini ialah '**Pengurusan Stress**'. Maklumat program adalah seperti berikut:

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **15 Oktober 2016 (Sabtu)**
Masa : **7.00 pagi – 2.30 petang**
Lokasi : **Arena MPSJ, Laman Kenanga,
Dewan Kenanga dan Lobi MPSJ**

Sempena penganjuran karnival ini beberapa aktiviti telah dirancang kepada pengunjung yang hadir ke program ini. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan ialah senamrobik, terapi stress, pemeriksaan kesihatan percuma, saringan dan pameran Tibi, program derma darah, pemeriksaan dan penjagaan tulang, pameran kesihatan dan gerai jualan makanan dan minuman.

Karnival ini turut melibatkan beberapa agensi luar seperti Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD), Pusat Darah Negara (PDN) dan KPMC Medical Centre. Tetamu jemputan utama (VIP) bagi karnival ini ialah YB. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga.

2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 37, MPSJ telah mencatatkan sebanyak **7,309 kes demam denggi** berbanding 8,344 kes pada tempoh yang sama pada tahun lalu.

Bilangan kes demam denggi ketika ini menunjukkan penurunan iaitu 113 kes pada minggu epid ke 37 berbanding 173 kes pada minggu epid yang sama pada tahun lalu.

Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 37 adalah berjumlah 20. Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	13
3.	Seri Kembangan	6

2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM

Sehingga bulan Ogos 2016 sebanyak 162 Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan 11 sitaan kenderaan telah dilakukan. Sebanyak 42 NTK dikeluarkan di bawah Seksyen 4 (kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), 74 NTK di bawah Seksyen 6 (kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan 46 NTK di bawah Seksyen 12 (kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini

dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan ,
Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPS) MPSJ 2007.

Pihak Majlis akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan
terhadap pembuangan sampah di tempat yang tidak dibenarkan.

2.7 PENAMBAHBAIKAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN SERTA MERTA

Bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, MPSJ telah
melaksanakan *business process re-engineering* ke atas proses
kerja sedia ada dengan tujuan untuk menjadikan urusan
permohonan Lesen Perniagaan sebagai urusan yang lebih mudah
dan mesra pelanggan.

Penambahbaikan ini melibatkan penambahan jumlah aktiviti
perniagaan yang boleh diberikan Lesen Perniagaan dan Iklan
Serta Merta.

Dengan penambahbaikan ini sebanyak 453 aktiviti perniagaan
boleh diberikan lesen perniagaan dan iklan secara serta merta
berbanding hanya 56 aktiviti perniagaan sebelum ini.

Melalui kaedah ini, Lesen Sementara dikeluarkan secara serta
merta kepada pemohon sebelum Pegawai Pelesenan
menjalankan pemeriksaan di tapak dalam tempoh 14 hari
(bekerja) selepas lesen dikeluarkan.

Bagi aktiviti perniagaan yang telah memenuhi keperluan syarat
lesen, lesen penuh bagi tempoh setahun akan diberikan kepada
premis tersebut tanpa perlu menunggu tempoh enam (6) bulan
berakhir.

Bagi premis yang masih belum memenuhi keperluan syarat lesen, premis mempunyai tempoh enam (6) bulan untuk memenuhi syarat tersebut.

Bilangan aktiviti perniagaan di bawah kategori Lesen Perniagaan Serta Merta secara ringkasannya adalah seperti berikut :

	Serta Merta (1 hari)	Mesyuarat Teknikal (14 hari)	Mesyuarat Jawatankuasa (30 hari)	Jumlah Aktiviti
Sebelum	56	438	30	524
Selepas	453	41	30	524

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 24 Ogos 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 8/2016 bertarikh 6 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1.2 & m/surat 4	Encik Chang Kim Loong	Keperluan tandas awam di kawasan lapang USJ 11 dan USJ 12	Beliau memberi cadangan kepada pihak Majlis untuk menyediakan kemudahan tandas awam di kawasan lapang dan taman awam untuk kegunaan pengunjung. <u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengatakan pihak Majlis mengambil maklum berhubung cadangan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.15/2016 bertarikh 7 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.4 & m/surat 8	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	Permohonan kebenaran merancang pendirian bangunan bagi cadangan pembangunan kondominium (plot 1) 6-36 tingkat (647 unit) dan pangsapuri kos sederhana (plot 2) 10 tingkat untuk Glenmarie Puchong Sdn. Bhd.	Beliau memaklumkan mengenai masalah kesesakan Lalulintas yang akan berlaku di kawasan pembangunan kerana bilangan tempat meletak kenderaan yang disediakan tidak mencukupi. Maklumbalas Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi permasalahan tersebut.
2.	Para 9.1 & m/surat 104	Encik Chang Kim Loong	Kertas makluman bagi cadangan pengecualian kontraktor berdaftar CIDB dalam borang G 1-21 untuk perakuan sijil perakuan siap dan pematuhan (CCC) ke atas	Beliau meminta pihak Majlis menyediakan senarai dan maklumat mengenai permohonan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang telah diluluskan. Maklumbalas Y.Bhg. Dato' Yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			kerja-kerja tambahan/ubahsuaian rumah kediaman teres, berkembar, cluster dan banglo	Dipertua meminta Jabatan Bangunan untuk menyediakan maklumat yang dipohon dan menyerahkan kepada Ahli Majlis berkaitan.

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 16/2016 bertarikh 21 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.10 & m/surat 56	Encik Yap Kok Weng	Rayuan permohonan kelulusan pelan alamat bagi cadangan nama bangunan dan nama jalan untuk pembangunan 5 blok pangsapuri 26-33 tingkat untuk Pilihan Megah Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan berhubung keputusan pihak Majlis menolak permohonan rayuan permohonan kelulusan pelan alamat bagi cadangan nama bangunan dan jalan oleh Pilihan Megah Sdn. Bhd. Maklumbalas Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan pihak Majlis tetap mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ Bil. 16/2016.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Y.Bhg. Dato' juga turut mengarahkan Jabatan Perancang Bandar untuk menyediakan Pekeliling / Dasar bagi penetapan nama tempat dan bangunan untuk dijadikan panduan kepada pemohon.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 7/2016 bertarikh 8 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 8/2016 bertarikh 14 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.11 & m/surat 15	Encik Jaber bin Ami	Pengesahan minit mesyuarat jawatankuasa penswastaaan letak kereta bagi membincangkan pelaksanaan parkir berbayar di	Beliau memaklumkan mengenai penggunaan mesin parkir berbayar yang lama di kawasan baru diluluskan pelaksanaan parkir berbayar terutamanya di kawasan Putra Height.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			kawasan baru (fasa 2) di dalam kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	<u>Maklumbalas</u> Pengarah Kewangan memaklumkan siasatan dan tindakan segera akan dilakukan berhubung perkara ini.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 8/2016 bertarikh 19 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para a) Perkara 3.3 & m/surat 17	Puan Kavitha a/p Chandragesen	Isu aduan keretakan dan pergerakan tanah di rumah teres 2 ½ tingkat di Bandar Kinrara 9/5, Jalan Kinrara 6B, 47180, Puchong, Selangor D.Ehsan	Beliau memohon penjelasan pihak Majlis berkenaan penyelesaian isu aduan ini. <u>Maklumbalas</u> Pengarah Bangunan memaklumkan bahawa laporan daripada pihak Prasarana mengatakan bahawa keretakan dan pergerakan tanah tersebut bukan disebabkan projek pembangunan Prasarana. Sehubungan itu, beliau mencadangkan kepada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				pengadu untuk membawa isu ini ke mahkamah ataupun berbincang bersama pemaju berkaitan.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 8/2016 bertarikh 20 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.17 & m/surat 49	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Permohonan lesen perniagaan dan iklan untuk aktiviti tempat letak kereta di TESCO Extra Puchong, Pusat Bandar Puchong	Beliau memohon penjelasan dari pihak Majlis berhubung kadar bayaran tempat letak kereta yang dikutip di tapak tidak sama seperti yang diluluskan. Maklumbalas Pengarah Pelesenan memaklumkan bahawa tindakan yang boleh diambil oleh pihak Majlis adalah membatalkan lesen yang telah diluluskan kerana melanggar syarat-syarat lesen.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 6/2016 bertarikh 20 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.7 & m/surat 8	Ir. Izham bin Hashim	Penarikan balik notis penamatan perjanjian bagi kerja-kerja pemasangan sistem keselamatan (CCTV) di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau memohon penjelasan berhubung perkara penarikan balik notis penamatan perjanjian bagi kerja-kerja pemasangan CCTV di kawasan MPSJ. Maklumbalas Setelah berbincang mesyuarat bersetuju untuk menerima kertas cadangan ini setelah mengambil maklum bahawa pihak syarikat bersedia menerima cadangan pindaan perjanjian. YBhg. Dato' memohon satu perbincangan lanjut berkenaan cadangan pindaan perjanjian diadakan dalam masa terdekat yang dihadiri oleh semua Ahli Majlis.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 8/2016 bertarikh 21 September 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.1 & m/surat 13	Encik Jaber bin Ami	Kertas makluman laporan inden Januari sehingga 9 September 2016	<p>Beliau mencadangkan agar permohonan kerja-kerja inden JKP dipermudahkan.</p> <p><u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua meminta agar Jabatan Pembangunan Masyarakat mengkaji semula prosedur permohonan kerja-kerja inden supaya lebih efektif dan memudahkan pemohon.</p> <p>Y.Bhg. Dato' turut memaklumkan bahawa tambahan peruntukan untuk Geran Kemasyarakatan berjumlah RM 4,000.00 bagi setiap JKP. Pembayaran adalah menggunakan peruntukan Yang Dipertua.</p> <p>Y.Bhg. Dato' memaklumkan bahawa tarikh tutup penghantaran permohonan inden JKP dilanjutkan sehingga tarikh 14 Oktober 2016.</p>

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT **(Kertas Mesyuarat Bil. 01/09/2016)**

6.1 Cadangan Pelantikan Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ Bagi Penggal 2016-2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** kertas mesyuarat Cadangan Pelantikan Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ Bagi Penggal 2016-2017 (**Ybrs. Dr. Mahendran a/l V Markandoo**) tanpa sebarang pindaan.

7.0 PEMBENTANGAN PENYATA

7.1 *Pembentangan Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015*

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Pembentangan Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 tanpa sebarang pindaan.

8.0 PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Oktober 2016** akan diadakan pada **26 Oktober 2016 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 14. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 18. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 19. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 21. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 22. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 3. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
2. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
6. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan
9. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
12. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan
Pengarah, Jabatan COB
16. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
17. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

18. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
19. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
20. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
21. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
22. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
23. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
24. Encik Moh Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
25. Encik Rostam bin Salleh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
26. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
28. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
29. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
30. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

31. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
32. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
33. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan
38. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
40. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
41. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

44. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
47. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
48. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
50. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
51. Puan Mazura binti Mohamad
Penolng Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
52. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
53. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab
Penolong Pengarah Jabatan Undang-Undang

57. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
58. Dr. Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
59. Puan Hazlina binti Abdul Hamid
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Kanan, Jabatan Kesihatan

URUS SETIA

1. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh - Setiausaha
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan Mesyuarat
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan